



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 FEBRUARI 2019 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- | | |
|---|----|
| - Larang guna alat komunikasi ketika mesyuarat kerajaan | 03 |
| - Syor sentuh isu kesihatan mental | 17 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 FEBRUARI 2019 (RABU)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Larang guna alat komunikasi ketika mesyuarat kerajaan
Muka Surat	03

Larang guna alat komunikasi ketika mesyuarat kerajaan

84 20/2/19 11/5 03

Kuala Lumpur: Kerajaan mela-

rang penggunaan telefon bimbit dan beberapa peralatan komu-

nikasi pada mesyuaratnya yang membincangkan perkara rahsia dan keselamatan negara bagi me-

ngakang kebocoran.

Dalam satu surat bertarikh 31 Januari lalu berkaitan larangan itu kepada ketua setiausaha kementerian dan ketua jabatan, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Datuk Sanusi Sidek, turut menyertakan lampiran 'Gambar Panduan Larangan Penggunaan Telefon Bimbit atau Alat Komunikasi Lain Dalam Mesyuarat Kerajaan'.

"Penggunaan telefon bimbit dan

alat komunikasi lain secara tidak terkawal dalam agensi kerajaan boleh mendatangkan implikasi buruk serta membahayakan, di samping boleh melanggar peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 sekiranya berlaku kebocoran atau kecurian maklumat," katanya dalam surat itu.

Isu kerahsiaan itu dibangkitkan oleh Polis Diraja Malaysia menerusi surat Pengarah Cawangan Khas Bukit Aman kepada Ketua Setiausaha Negara baru-baru ini yang disifatkan semakin membimbangkan.

Selain larangan telefon bimbit, peralatan yang disebut dalam su-

rat berkenaan ialah kamera digital, jam pintar, perakam video dan pen-

pintar.

Sanusi berkata, penggunaan per-

alatan terbabit tanpa kawalan juga mempunyai pelbagai implikasi ne-

gatif seperti penyalahgunaan me-

ngumpul, merakam, menyiarkan,

menular dan menyampaikan mak-

lumat rahsia kerajaan kepada pihak lain tanpa kebenaran.

"Mengikut kepada situasi masa

kini, trend penyebaran atau ke-

borongan maklumat kerajaan me-

nerusi telefon bimbit semakin

membimbangkan.

"Bagi tujuan kawalan, ketua ja-

batan hendaklah menentukan zon

larangan penggunaan peralatan komunikasi yang mampu mera-

kmaklumat.

Tetapkan kaedah penggunaan

"Di samping itu, ketua jabatan juga perlu mewujudkan kaedah penggunaannya bagi memastikan maklumat rahsia rasmi kerajaan di-

berikan perlindungan sepenuhnya.

"Penentuan zon larangan ini ter-

aktub dalam Perenggan 130, Ara-

han Keselamatan (Semakan dan

Pindaan 2017) dan perlu dipatuhi

semua jabatan dan agensi ker-

ajaan," katanya.

Beliau berkata, keperluan pene-

tapan zon atau tempat larangan berkenaan perlu mengambil kira risiko kebocoran maklumat yang berkemungkinan berlaku pada mesyuarat penting kerajaan membabitkan keputusan dasar di peringkat Persekutuan atau negeri.

Antara mesyuarat dikelaskan sebagai berikut: itu ialah mesyuarat Kabinet, mesyuarat EXCO, berkaitan keselamatan negara, dasar luar yang memberi impak tinggi kepada keputusan kerajaan, mesyuarat pengurusan tertinggi kementerian, jabatan atau agensi; mesyuarat lembaga perolehan tender atau sebut harga dan operasi pe-

nguatuasaa.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 FEBRUARI 2019 (RABU)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Syor sentuh isu kesihatan mental
Muka Surat	17

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSHA) 1994

Syor sentuh isu kesihatan mental

BH 20/2/19 MS 17

Kuala Lumpur: Kerajaan disarankan meminda Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994 dengan mengambil kira persekitaran kerja yang boleh memupuk kesejahteraan mental.

Penaung Persatuan Psikiatri Malaysia (MPA), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata pengabaian kesihatan mental dan psikososial di tempat kerja bukan sahaja merugikan pekerja, malah akan mempengaruhi produktiviti, kecekapan dan hasil pengeluaran organisasi.

Pada masa sama, katanya, masalah kesihatan mental turut menyumbang kepada insiden kemalangan di tempat kerja.

"OSHA 1994 lebih fokus kepada keselamatan dan kesihatan fizikal walaupun Seksyen 4 (c) akta itu bertujuan mempromosi persekitaran kerja yang memenuhi keperluan fisiologi dan psikologi pekerja.

Sokongan kepada pekerja
"Peruntukan khas mesti dimasukkan dalam pindaan OSHA 1994 untuk menangani masalah kesihatan mental, termasuk menyediakan sokongan kepada pekerja berdepan isu kesihatan mental," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Lam Thye mencadangkan supaya Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di bawah OS HA memainkan peranan secara menyeluruh dengan mengadakan aktiviti berkaitan kesihatan mental.

Ketika ini, katanya, fungsi jawatankuasa itu tiada kaitan dengan kesihatan itu.

"Isu berbangkit di tempat kerja disebabkan gabungan pelbagai faktor seperti tugas yang dilakukan, persekitaran kerja dan faktor berpunca daripada organisasi itu sendiri," katanya.